

08/11/1998

Dr M tinjau persiapan sidang Apec

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa daripada jadual ketatnya hari ini untuk melawat Cyberview Lodge di sini bagi memastikan semuanya siap sedia menyambut pemimpin dunia yang akan menjadikannya tempat perhentian mereka selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) pada 18 November.

Perdana Menteri menghabiskan kira-kira satu jam melawat rumah persinggahan itu dan diberi taklimat mengenai persiapan yang dibuat Pengerus Besar Cyberview Lodge Sdn Bhd, Maleia Marsden.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Apec mempunyai 18 anggota - Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Tiga lagi negara anggota - Russia, Peru dan Vietnam - akan menyertai forum itu pada mesyuarat di Kuala Lumpur.

Antara yang dilaporkan sudah mengesahkan kehadiran mereka ialah Presiden Amerika, Bill Clinton; Perdana Menteri Australia, John Howard; Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai; Presiden Indonesia BJ Habibie; Presiden Filipina, Joseph Estrada; dan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien.

Sidang kemuncak Apec akan bermula dengan mesyuarat tidak rasmi pegawai kanan pada 12 hingga 13 November, diikuti mesyuarat tidak rasmi peringkat menteri pada 14 hingga 15 November. Sidang Kemuncak pemimpin kerajaan ialah pada 17 hingga 18 November.

(END)